

Tema : Saya dan Jiran
Unit 1 : Kepercayaan kepada Tuhan

Nama :

Tandakan (/) pada amalan yang betul pada situasi yang diberikan bagi menghormati amalan beribadat agama dan kepercayaan jiran.

1	Ranjit dan Manisha ke rumah Laila. Namun Laila sedang bersembahyang pada waktu itu. Mereka menunggu Laila di ruang tamu sehingga Laila selesai bersembahyang sebagai tanda hormat.	<input type="checkbox"/>
2	Datuk Kirisha baru sahaja meninggal dunia. Miko Chan langsung tidak bertanya khabar dan mengucapkan takziah untuk menunjukkan simpati kepada keluarga Kirisha walaupun mereka berjiran.	<input type="checkbox"/>
3	Kamala tidak sengaja menjamu nasi lemak ayam kepada Kah Yan yang sememangnya mengamalkan vegetarian. Apabila menyedari kesilapannya, Kamala segera meminta maaf.	<input type="checkbox"/>
4	Darren akan membuat bising setiap kali mendengar laungan azan walaupun dia tahu laungan azan itu merupakan panggilan untuk umat Islam mendirikan sembahyang.	<input type="checkbox"/>
5	Koh Jing Tian meminta ibunya menghidangkan air kotak dan meletakkan pisang goreng yang dibelinya di dalam pinggan polisterin ketika Sufiana dan keluarganya datang ke rumah mereka. Ini kerana orang Islam tidak boleh menggunakan peralatan yang dikhuatiri terdedah dengan makanan yang tidak halal.	<input type="checkbox"/>